

# UMS akan tawar program jarak jauh online

DE 20/7/2011 2

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatatkan satu lagi sejarah tersendiri dalam bidang akademik pada Selasa dengan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Asia e University (AeU), yang membolehkan UMS menawarkan Program Sarjana secara online termasuk kepada pelajar antarabangsa.

Naib Canselor UMS Brig Jen Prof Datuk Seri Kamaruzaman Ampon pada majlis pemeteraian MoU itu pada Selasa berkata selain meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa di

UMS, langkah itu juga konsisten dengan agenda negara untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat negeri Datuk Dr Yee Moh Chai. Kamaruzaman mewakili UMS dan AeU diwakili presidennya Prof Datuk Ansary Ahmed.

Menerusi usahasama UMS dan AeU itu, dua program telah dikenal pasti bagi Pengajian Jarak Jauh Online (ODL), iaitu Sarjana

Pengurusan Modal Insan (Kajian Perniagaan dan Ekonomi) dan Sarjana Pengurusan Pendidikan (Kajian Pendidikan dan Pembangunan Sosial). Bagaimanapun, ia dijangka diperkenalkan pada Januari tahun depan.

AeU, yang berpangkalan di Kuala Lumpur, adalah universiti antarabangsa yang ditubuhkan di Asia di bawah Dialog Kerjasama Asia (ACD). Penubuhannya merupakan inisiatif Malaysia sebagai penggerak utama e-pendidikan, dengan mendapat sokongan 31 negara anggota ACD.